

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

APRIL 1995

RAK 341 - Sejarah Seni Bina

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Bincangkan dengan bantuan lakaran apakah faktor-faktor yang mempengaruhi rekabentuk rumah tradisional Melayu.

(25 markah)

2. Huraikan perbezaan dan persamaan, fungsi, konsep dan rekabentuk Ziggurat dengan Piramid.

(25 markah)

3. Bincangkan dengan bantuan lakaran apakah ciri-ciri utama seni bina Byzantine dan pengaruh seni binanya terhadap perkembangan tamadun kemudiannya.

(25 markah)

4. Dengan bantuan lakaran bincang 4 daripada tajuk-tajuk berikut:

- (a) Mastaba
- (b) Peraturan Greek
- (c) Parthenon
- (d) Basilica
- (e) Aqueduct
- (f) Colosseum
- (g) Hagia Sofia

(25 markah)

5. Tulis dengan ringkas 3 daripada tajuk-tajuk berikut:

- (a) Mihrab dan Menara
- (b) Pagoda dan Pai-Lou
- (c) Stambas dan Toranas
- (d) Stupa
- (e) Sikhara dan Vimana

(25 markah)

...2/-

6. Setelah Empayar Romawi terbahagi kepada dua iaitu Barat dan Timur, rekabentuk bangunan terutama sekali gereja menunjukkan ciri yang tersendiri.

Bincangkan ciri-ciri rekabentuk gereja di empayar Barat dan Timur tersebut.

(25 markah)

7. Di dalam pembinaan bangunan, pelbagai teknologi telah diperkenalkan. Bincangkan 4 daripada tajuk-tajuk berikut dengan memberi contoh-contoh bangunan yang menggunakan teknik tersebut.

- (a) Sistem Trabeat
- (b) 'Squinches'
- (c) Pendentif
- (d) Arca
- (e) Kubah
- (f) Sagang Terbang

(25 markah)

8. Bincangkan dengan ringkas sejauhmanakah seni bina zaman silam Yunani, Romawi, Byzantin, Gothic dan Renaissance mempengaruhi seni bina moden di Malaysia.

(25 markah)

oooOOooo